

Keterangan Lisan dan Banding Silang: Penelitian terhadap Sumber Sejarah Konflik Etnik Melayu-Cina, 1945-1955

Verbal Description and Cross Comparison: Research on the Historical Sources of the Malay-Chinese Ethnic Conflict, 1945-1955

Mohamed Ali Haniffa¹ & Mohd Kasri Saidon², Zolkefli Bahador², Ishak Saat³

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

²Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

³Pesara Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

email: m.ali@uum.edu.my

Published: 03 December 2024

To cite this article (APA): Haniffa, M. A., Saidon, M. K., Bahador, Z., & Saat, I. Keterangan Lisan dan Banding Silang: Penelitian terhadap Sumber Sejarah Konflik Etnik Melayu-Cina, 1945-1955. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 1-15. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol2.2.1.2024>

Abstrak

Makalah ini membincangkan mengenai keterangan lisan sebagai sumber sejarah yang penting dalam meneliti sejarah konflik Melayu-Cina yang tercetus selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Umum mengetahui bahawa masyarakat Melayu terkenal dan kaya dengan peradaban serta tradisi lisan yang sudah sebatи dan diwarisi sejak turun-temurun. Malaysia telah melewati evolusi sejarah bermula dengan penjajahan kuasa luar sehingga negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pelbagai dimensi baharu dan penting perlu digarap serta diteliti bagi mendapatkan penceritaan saksi proto dan maklumat yang sahih. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan kezaliman komunis telah menimbulkan impak keruncingan hubungan kaum di antara orang Melayu dan Cina. Hal yang demikian diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan. Dalam usaha meneliti kesemua peristiwa tersebut, masih kedapatan ruang kosong yang boleh ditampung dengan penggunaan keterangan lisan. Penggunaan keterangan lisan memberikan cabaran yang tersendiri dalam mengenal pasti kesahihan sesuatu peristiwa. Kesemua dapatan kajian yang diperoleh perlu di banding silang dengan rekod dan data-data yang lebih berautoriti. Perbincangan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah yang merujuk kepada sumber primer meliputi Rekod Pejabat Kolonial dan dokumen sekunder yang lain. Bagi mengisi ruang kosong dalam penulisan, wawancara bersama informan terpilih telah digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa keterangan lisan dan maklumat yang diperoleh dalam menghasilkan penulisan sejarah perlu dibanding silang dengan sumber lain bagi mengukuhkan dapatan serta menghasilkan penulisan yang lebih berautoriti.

Kata kunci: Pendudukan Jepun, saksi proto, komunis, banding silang, informan

Abstract

This paper discusses verbal testimony as an important historical source in examining the history of the Malay-Chinese conflict that erupted after the Japanese occupation of Malaya. Generally, the Malay community is widely known for its rich and civilized verbal traditions that have been integrated and inherited from generation to generation. Malaysia has experienced a great historical evolution, starting with the colonization of foreign powers until its independence on 31 August 1957. Various new and important dimensions need to be scrutinized and researched to obtain proto witnesses accounts and authentic information. The Japanese occupation of Malaya and the tyranny of the communists have resulted in a strained relationship between the Malays and the Chinese. These events have translated into a fight. In examining all the events, there are still some gaps that can be answered by verbal evidence. The use of verbal evidence presents its own challenges in identifying the validity of an event. Cross-comparisons with more authoritative records and data were made on all research findings. The discussion of this article used a historical approach that refers to primary sources, including the Colonial Office Records, as well as other secondary documents. In answering the research gaps, interviews with selected informants were performed. The results of the study found that verbal evidence and information obtained in producing historical writings need to be compared crossly with other sources to strengthen the findings and produce more authoritative writing.

Keywords: Japanese occupation, proto witnesses, communists, cross comparison, informants

Pengenalan

Tradisi lisan mendapat tempat paling istimewa dan menjadi warisan zaman-berzaman sejak dahulu kala. Pewarisan dan pembelajaran dalam peradaban awal manusia adalah melalui sumber lisan. Tradisi dan penggunaan metode keterangan lisan masih dianggap baharu dalam konteks Malaysia. Namun perkembangan semasa telah memberikan ruang kepada keterangan lisan sebagai salah satu metode dalam penyelidikan. Keterangan lisan melibatkan usaha untuk memperoleh maklumat secara terus melalui ucapan, penceritaan, perbualan dan info sejarah menerusi sesi wawancara bersama informan terpilih. Sumber lisan tersebut terbahagi kepada keterangan tradisi lisan, kata dengar, saksi mata dan proto.

Sosiobudaya Masyarakat Malaysia

Zaman Yunani sekitar abad ke-5 S.M mencetuskan kecemerlangan tradisi lisan yang dipelopori oleh Thucydides dalam penulisan *The Persian Wars*.¹ Seawal tahun 1948, Allan Navins dari Amerika Syarikat mula memberikan tumpuan dalam penggunaan metode lisan. Leopold von Ranke, 1795-1886 yang sinonim sebagai ‘bapa pensejarahan Eropah moden’ mempelopori disiplin ‘sejarah objektif’ dan dianggap khusus.² Justeru itu, sejarawan menganggap bahawa sejarah sebagai disiplin bersifat objektif dan saintifik sebagaimana metode kajian sains tabii.³ Allistair Thompson yang mengetuai aliran *oralist* sekitar tahun 1960-an dan 1970-an, berperanan signifikan mempelopori kaedah lisan sebagai medium historiografi di United Kingdom. Aliran baharu muncul pada tahun 1890-an mempertikaikan kemampuan ahli sejarah untuk menghasilkan penulisan sejarah yang benar-benar objektif. Golongan ini lebih bersifat subjektivis kerana membuat penghujahan bahawa manusia mempunyai kecenderungan untuk memilih sesuatu yang dianggap penting dan mengetepikan sesuatu yang kurang penting. Walau bagaimanapun, pandangan Carr juga perlu diambil kira apabila membuat penghujahan

interpretasi sejarah tidak akan kekal atau tetap. Ini juga bergantung kepada penyesuaian dan evolusi yang berterusan mengikut perubahan masa.⁴

Munsyi Abdullah adalah pelopor awal mengimplementasikan keterangan lisan dalam penulisan *Kisah Pelayaran Abdullah* yang merakamkan gambaran sosiobudaya masyarakat melalui keterangan lisan. Banyak penulisan dewasa kini yang dihasilkan melalui kaedah wawancara dan juga hasil penelitian catatan diari peribadi. Sebuah buku bertajuk *Diari Seorang Kelana* memaparkan catatan sebenar penulis sejak zaman remaja di Ipoh dan pengalaman bekerja sebagai buruh pembinaan landasan kereta api maut di Siam.⁵ Buku tersebut mempunyai kekuatan dalam menterjemahkan keadaan ketika berlaku Perang Dunia Kedua.

Episod pendudukan tentera Jepun dan kezaliman komunis turut dirakamkan melalui keterangan lisan oleh beberapa orang pengkaji barat serta tempatan. Kenelm O.L. Burridge melalui gabungan sumber lisan dan juga pemerhatian di lapangan memberikan gambaran kezaliman komunis di kawasan perkampungan Melayu di Batu Pahat, Johor.⁶ Penulisan bertajuk *Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat* pula memaparkan sepintas lalu mengenai konflik etnik Melayu dan Cina yang berlaku di daerah Batu Pahat serta Muar. Maklumat penting yang ingin disampaikan oleh penulis ialah mengenai pembentukan "Tentera Sabil Selendang Merah".⁷ Begitu juga penelitian yang dilakukan oleh sarjana seperti Cheah Boon Kheng khususnya yang melibatkan tempoh masa ketika Perang Dunia Kedua.⁸

Kekayaan Malaysia ialah kerana memiliki banyak rentetan sejarah bermula dari zaman Masyarakat Melayu Tradisional, penjajahan British, pendudukan Jepun, legitimasi komunis, pengisytiharan perintah darurat hingga negara mencapai kemerdekaan. Kesemua peristiwa sejarah adalah catatan yang bernilai dan perlu diteliti semula. Kebanyakan informan yang terlibat dalam peristiwa tersebut adalah orang biasa, namun berperanan sebagai saksi proto, saksi mata, saksi kata dengar. Justeru itu, metode kajian yang bersifat 'bottom up' perlu digunakan dalam usaha melestarikan keterangan lisan. Ini kerana maklumat yang diperoleh signifikan untuk mengisi ruang kekosongan dalam penulisan sejarah.

Kepentingan Keterangan Lisan

Dewasa kini, sejarawan sudah mula mengaplikasikan keterangan lisan sebagai salah satu sumber walaupun masih terlalu baharu. Kebanyakan sumber penting hilang begitu sahaja berikutan perkembangan terkini dalam era teknologi maklumat. Hal yang demikian berlaku apabila manusia terlalu obses terhadap media perhubungan seperti telefon, faks, emel, laman sesawang ataupun bertemu muka. Amalan surat-menyurat dan menulis catatan harian dianggap ketinggalan zaman serta lambat. Tambahan pula perkara tersebut dikaitkan dengan penggunaan ruang yang banyak.

Salah satu kelemahan besar dalam usaha melestarikan kembali fakta mengenai sejarah Malaysia adalah kerana kekurangan sumber primer. Di peringkat negeri, kebanyakan sumber lengkap yang dimiliki oleh Arkib Negeri adalah dalam kelompok rekod-rekod selepas Perang Dunia Kedua. Kekangan tersebut juga mungkin berpunca dari amalan masyarakat Malaysia yang kurang mengambil berat mengenai tradisi penyimpanan catatan harian, riwayat hidup dan terimba keluarga. Perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang agak lewat sebelum negara mencapai kemerdekaan turut merencatkan usaha pengumpulan dan perekodan bahan-bahan sejarah. Keadaan tersebut bertambah rumit apabila penyelidik lebih

gemar menggunakan sumber primer berupa dokumen arkib yang telah tersedia. Ini kerana carian bukti melalui keterangan lisan akan mengambil tempoh masa yang agak lama dan perlu ditranskripkan. Namun perlu disedari bahawa terdapat juga beberapa peristiwa penting negara yang kurang lengkap dicatatkan dalam dokumen bertulis dan perlu dilengkapkan dengan menggunakan keterangan lisan. Selain itu, kaedah tersebut juga penting sebagai medium melengkapkan ruang kosong dalam dokumen primer. Dokumen yang bersifat kaku hanya mencatatkan peristiwa-peristiwa penting sahaja menyebabkan terdapatnya ruang kosong dalam pendokumentasian. Elemen yang melibatkan nilai dan kemanusiaan juga turut tidak disentuh dalam dokumen rasmi.

Walau bagaimanapun, sumber lisan hanya salah satu metode untuk menambah maklumat yang sedia ada dan bukan untuk terus menggantikan rekod-rekod bertulis. Seseorang penyelidik perlu menggunakan kesempatan ketika melaksanakan wawancara untuk menyemak semula kesahihan fakta yang diperoleh. Di samping itu, pelbagai bahan-bahan tambahan seperti gambar, surat, catatan peribadi juga boleh diperoleh sekiranya pengkaji mempunyai kemahiran menyоal dan menyesuaikan diri bersama informan. Dengan kata lain, tujuan pendokumentasian sejarah lisan ialah untuk mendapatkan data dan menyimpan serta mendokumentasikan sumber sejarah yang berkurangan.⁹ Sumber lisan dapat memberikan makna tersendiri khususnya yang melibatkan wawancara dalam kalangan saksi proto. Ini kerana penyelidik akan memperoleh maklumat *first hand* yang tiada dalam dokumen. Maklumat yang diperoleh sangat bermanfaat kerana perwatakan, riak wajah dan penceritaan informan dapat memberikan fakta tambahan yang bermakna. Ini bermaksud keterangan lisan sangat signifikan dalam menambahkan maklumat asal sejarah dan mengetepikan konotasi yang menyatakan ‘sejarah itu bersifat kaku’.

Kepentingannya tidak dapat dinafikan apabila hanya sumber lisan yang berpotensi menjadi pelengkap kepada peristiwa yang dikaji. Tambahan pula apabila sesuatu peristiwa itu hanya melibatkan ‘masyarakat kebanyakan’ maka perekodan mengenainya tidak dilakukan. Namun, pada kebiasaannya orang biasa akan menjadi ‘watak dibelakang tabir’ atau pelaku dan subjek bagi kajian yang berfokuskan ‘bottom up’. Justeru itu, maklumat yang diperoleh daripada keterangan saksi proto, saksi mata ataupun saksi dengar membolehkan penyelidikan dilaksanakan tanpa bias. Adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk menjalankan tinjauan awal dan membuat persiapan rapi sebelum memulakan sesuatu tugas pendokumentasian. Ini kerana masih terdapat lagi informan yang mampu menceritakan sesuatu peristiwa penting dengan baik. Dapatkan tersebut berperanan sebagai nilai tambah bernilai bagi sejarawan. Hal yang demikian juga menyebabkan setiap pengkaji mempunyai ruang untuk membuat penilaian dan tafsiran dalam merungkai sesuatu peristiwa bersejarah.

Konflik Etnik Melayu-Cina dan Banding Silang

Akriviti perekodan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna ketika berlaku Perang Dunia Kedua, 1941-1945. Tentera Jepun menduduki Tanah Melayu bermula 8 Disember 1941 iaitu selama hampir tiga tahun lapan bulan. Proses peniponisasi menyebabkan hanya terdapat sedikit sahaja berita yang disiarkan melalui media seperti *Fajar Asia*. Fokus utama berita ketika itu berkisar kepada penambahan pengeluaran bahan makanan dan imej Jepun sebagai kuasa pembebas.¹⁰ Kekangan dokumen berupa fail dalam kajian di Malaysia menyebabkan kaedah wawancara bersama informan dapat diimplementasikan. Ini memberikan kelebihan dalam merungkai kezaliman komunis dan tentera Jepun yang melibatkan etnik di Tanah Melayu. Dasar pentadbiran tentera Jepun mencetuskan prasangka dan menimbulkan konflik selepas tamat perang.¹¹ Ideologi komunis menjadikan anak menjadi tidak siuman dan tidak

berperikemanusiaan sehingga terdapat kejadian pembunuhan sesama ahli keluarga.¹² Terdapat juga kejadian isteri menjadi balu kerana kematian suami dan anak-anak menjadi yatim piatu. Perbuatan zalim komunis dan tentera Jepun turut menjadikan manusia berfikiran tidak waras serta kehilangan nyawa dan harta benda.

Beras merupakan ‘makanan elit’ yang sukar ditemui.¹³ Desakan kehidupan menyebabkan golongan wanita menjadi kreatif. Sumber makanan seperti ubi kayu, bunga nipah, sagu, umbut, pisang muda dan pisang jeruk menjadi rebutan. Sering juga berlaku kejadian kecurian buah kelapa dan telur ayam di kawasan kampung.¹⁴ Anak-anak remaja Melayu terpaksa menyamar dengan menyapukan arang atau habuk dapur kayu berwarna hitam bagi mengelakkan gangguan tentera Jepun.¹⁵ Kekurangan kain menyebabkan jenazah dibalut dengan daun pisang¹⁶ dan kejadian pembunuhan serta mencampakkan mayat ke dalam sungai adalah menjadi perkara biasa.¹⁷

Proses ‘penjepunan’ dilaksanakan melalui pengajaran bahasa *Nippon Go* dan nyanyian lagu *Kimigayo*. Kesannya ialah apabila kedapatan anak-anak orang Melayu tempatan yang fasih berbahasa Jepun dan diambil bekerja sebagai *peon*.¹⁸ *Koa-kurenjo* di Singapura dan Melaka menjadi nukleus penting dalam memberikan latihan kepada belia Melayu.¹⁹ Maklumat yang diperoleh melalui wawancara ternyata benar apabila banding silang yang dilakukan turut membuktikan mengenai kezaliman tentera Jepun. Antaranya ialah seperti mencabul dan melaukan pembunuhan di kawasan perkampungan orang Melayu.²⁰

Pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu menyebabkan wujud ruang kekosongan kuasa pemerintahan selama hampir empat belas hari. "Mahkamah Pengadilan Bintang Tiga" menjadi tempat untuk komunis membalas dendam.²¹ Maklumat mengenai 'Mahkamah Pengadilan Bintang Tiga' diperoleh melalui penceritaan lisan oleh informan. Pengalaman diculik dan menjadi hamba di kem komunis dialami oleh Rosimah Alang Mat Yen di Kampung Gajah, Perak. Turut diseksa ialah Yahya Shafie yang dibakar dengan tangan terikat di stereng lori.²² Gangguan juga dilakukan oleh komunis di lokasi petempatan orang Melayu di Pahang.²³ *Anti-Japanese Union and Forces* (AJUF) turut mengadakan mesyuarat di Penjom, Kuala Lipis, Pahang dan orang Melayu dipaksa menyertainya.²⁴ Prejudis dan prasangka berakar umbi serta diterjemahkan dalam bentuk pergeseran etnik Melayu-Cina.²⁵

Jadual 1: Banding silang peristiwa pendudukan tentera Jepun dan kezaliman komunis

Peristiwa	Sumber
Pendudukan Jepun di Tanah Melayu	-Paul H. Kratoska, <i>The Japanese Occupation of Malaya 1941–1945</i> -Sumber wawancara
Hubungan kaum	-Kenelm O.L. Burridge, ‘Racial Relations in Johore,’
Kezaliman tentera Jepun di Penjom, Kuala Lipis	-CO 273/675/12: 28 -WO 203/4491: 1
<i>Koa-kurenjo</i> di Singapura dan Melaka serta latihan kepada pemuda-pemuda Melayu.	-Mohd Isa Othman, <i>Sejarah Malaysia (1800-1963)</i>
Catuan makanan	-Paul H. Kratoska, <i>The Japanese Occupation of Malaya 1941–1945</i> -Sumber wawancara

Sumber: Analisis penulis

Jadual 1 menunjukkan sebahagian bahan-bahan berautoriti yang digunakan dalam membuat semak banding khususnya mengenai pendudukan tentera Jepun dan komunis.

Panglima Salleh @ Kiai Salleh Selempang Merah

Di Batu Pahat, Johor, *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) yang direkrut oleh British bertindak zalim dengan mengganggu kesucian agama Islam dan membunuh orang Melayu. Terdapat juga dalam kalangan penduduk Kampung Separap yang ditangkap dan dibunuh ketika pergi ke pekan. Tindakan zalim komunis diterjemahkan apabila orang Melayu direbus dalam kawah. Mereka juga menjadi sebagai sasaran makanan kepada khinzir.²⁶ Wanita Melayu dihukum sula dan diletakkan di tepi jalan sebagai peringatan kepada sesiapa yang tidak bekerjasama.²⁷ Orang Melayu dipaksa menerima dan menyokong ideologi komunis di samping membayar yuran serta membekalkan makanan. Ketua Kampung dan penghulu dipaksa menjadi anggota *Anti Japanese Union* (AJU).²⁸

Keadaan cemas yang dialami menyebabkan orang Melayu bergantung harap kepada individu yang mempunyai kekuatan luar biasa. Ini berlaku apabila penduduk di Mukim IV yang hilang tempat pergantungan membentuk kumpulan *Muhammadiah* yang dipimpin oleh Salleh Abdul Karim. Pemilihan tersebut dilakukan kerana dia dikatakan memiliki ilmu, kebolehan dan kekuatan yang luar biasa.²⁹ Oleh kerana kekurangan persenjataan, mereka menggunakan sebarang bentuk objek tajam khususnya parang. Salleh Abdul Karim yang diangkat menjadi pemimpin Kumpulan Parang Panjang Mukim IV dikatakan mendapat alamat dan petanda dalam mimpi.³⁰ Dia juga menuntut ilmu 'tidak lut senjata' ketika merantau bermiaga ketika usianya masih muda. Hal yang demikian menyebabkan penduduk Mukim IV memanggilnya dengan gelaran sebagai "Kiai". Dalam usaha meningkatkan kekebalan, terdapat amalan minum air penebat di Mukim IV dan disertai pula dengan penggunaan kain selempang merah³¹ bagi meningkatkan semangat perjuangan.³² Setiap selempang merah mempunyai "pengikutnya" apabila digunakan.³³

Kesemua amalan ilmu kebal "diturunkan" oleh Kiai Salleh kepada pengikutnya yang solat secara berjemaah di Surau Kampung Parit Maimun. Mulai saat itu, bilangan pengikut dan pengamal bertambah ramai. Ini adalah sebahagian daripada persiapan awal menghadapi kezaliman komunis.³⁴ Kekuatan dalaman pengikut ilmu selempang merah dijana melalui amalan membaca Yassin sebanyak 40 kali dan amalan Ayat Empat.³⁵ Gangguan komunis menjadikan bilangan pengikut ilmu Selempang Merah bertambah ramai. Keanggotaannya bertambah ramai kecuali kanak-kanak. Ayat Empat turut disebarluaskan kepada semua pengikut Kiai Salleh, Haji Fadhil dan Haji Adnan dari Pasir Pelangi yang berperanan sebagai pembantunya.³⁶

Kiai Salleh mempunyai kelebihan dalam melakukan tugas seperti mencabut pokok besar untuk dibuat jambatan bagi membantu penduduk kampung. Dia juga berkeupayaan membengkokkan besi dengan tangan. Sebagai buktinya ialah seperti berikut:

"Che'gu [Teacher] Salleh himself-it is popularly claimed-cannot be killed by bullets; he can walk dryshod across rivers; he can burst any bonds that are put upon him; his voice can paralyse his assailants, making them drop their weapons; and were Chinese to take him and set him in a cauldron of boiling water he would emerge alive and unharmed".³⁷

Jadual 2: Banding silang Panglima Salleh @ Kiai Salleh Selempang Merah

Peristiwa	Sumber
-Kezaliman kumunis	- Tuan Haji Daud Sadron - Zaharah Nawawi, <i>Panglima Salleh Selempang Merah</i>
-Ideologi komunis, yuran dan membekalkan bahan makanan. - Anggota <i>Anti Japanese Union</i> (AJU)	- WO 203/5553 (1), Malaya-Communist Guerillas In North Malaya (TOP SECRET and PERSONAL).
-Keperibadian Kiai Salleh bin Abdul Karim	- Tuan Haji Yusuf Salleh, Cikgu Samad Salleh, Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf, Tuan Haji Abdul Majid Haji Bakri dan Tuan Haji Yahya Haji Abbas. - Zaharah Nawawi, <i>Panglima Salleh Selempang Merah</i> .
-Pengamalan ilmu kebal Kiai Salleh Abdul Karim dan pengikut serta air penebat	- WO 172/9773 (161), SECRET, War Diary. - Siti Patonah Muashot, Penghulu, Panglima, Kiayi Salleh bin Abd. Karim.
-Selempang Merah	- WO 172/9773 (1), Weekly Intelligence Review, No. 31, "Che Salleh and His Red Bands", 11 June 1946.

Sumber: Analisis penulis

Jadual 2 menunjukkan contoh sebahagian bahan-bahan penulisan berupa primer dan sekunder yang digunakan dalam membuat semak banding.

Serang Hendap Komunis di Kampung Bekor

Kampung Bekor, Kuala Kangsar, Perak adalah sebuah petempatan tradisional Melayu. Petempatan tersebut pernah menjadi tumpuan hampir 50 orang dalam kalangan etnik India dan Cina sebelum meletus Perang Dunia Kedua.³⁸ Perkampungan ini berdekatan dengan Kampung Mandah, Kampung Kelang, Kampung Baru dan Kampung Kubang Udang. Bagi menampung keperluan sosioekonomi sebanyak 40 buah kedai didirikan oleh orang Cina dalam dua baris. Kehidupan orang Melayu dan Cina sangat akrab.³⁹ Walau bagaimanapun, orang Cina tetap mengawal aktiviti ekonomi seperti peruncitan.

Anak-anak orang Cina di Kampung Bekor ketika itu masih menerima pendidikan berorientasikan negara China.⁴⁰ Orang Cina yang diresapi ideologi komunis cuba mempengaruhi penduduk Melayu Bekor dalam gerakan anti-Jepun.⁴¹ Yeop Ismail Mat Yasin, Harun Uda Hassan, Shaharuddin Yeop Abdul Hamid, Ibrahim dan Ngah Abdul Rahman adalah sebahagian penduduk yang diresapi oleh ideologi komunis. Anggota komunis meningkat pada tahun 1945 dan Sekolah Melayu Bekor berfungsi sebagai markas untuk menyampaikan propaganda.⁴² Papan kenyataan di Kampung Bekor sering menjadi sasaran sabotaj komunis. *Jikeidan* dibentuk pada Mac 1942 di Kampung Bekor bagi tujuan mengawal keselamatan.⁴³ Cikgu Haji Jihin Chor dan Cikgu Haji Ahmad Monak diserang oleh komunis pada 15 Januari 1944 ketika dalam perjalanan ke Sekolah.

Orang Melayu juga dijadikan "alat propaganda" bagi mendapatkan sokongan. Antaranya ialah Jun, Zulkifli dan Kama yang berkahwin dengan wanita di Kampung Tepus, Parit, Perak serta menyebarkan ideologi komunis di Masjid Kampung Bekor. Zulkifli berhijrah ke Medan

manakala Jun pula tidak diketahui lokasinya.⁴⁴ Kedua-dua anggota komunis yang memeluk Islam memberikan impak positif kepada gerakan komunis di Bekor. Sekolah menjadi tempat membicarakan dan menjatuhkan hukuman mati terhadap orang Melayu yang disyaki sebagai tali barut. Mangsa akan melalui penderitaan sebelum dipancung dan dicampakkan ke dalam sebuah perigi.⁴⁵ Kini, lokasi perigi tersebut masih dirahsiakan oleh penduduk kampung. Seksyen dan tindakan tidak berperikemanusiaan menyebabkan sebilangan kecil orang Melayu tidak mahu bekerjasama dengan komunis. Dilaporkan seperti berikut:

“... seluruh Kampung Bekor yang dulunya sangat-sangat menyokong keras akan gerakan kerajaan Bintang Tiga telah ditukarkan tuhan akan perasaan dan rohnya lalu mereka itu berpaling tадah dan mula menentang segala pujuhan-pujuhan yang mengandungi racun daripada bangsa Cina yang mengajak lagi supaya orang Melayu bercampur dengannya untuk menghalau British daripada Semenanjung Tanah Melayu dan kemudiannya Tanah Melayu ini diperintah oleh tiga bangsa ...”⁴⁶

Pada bulan November 1945, ilmu "tidak lut senjata" dilaporkan bermula di Negeri Sembilan dan tersebar luas hingga ke Singapura.⁴⁷ Gerakan yang dikenali sebagai *Sabilillah* berjaya menyatukan orang Melayu. Beberapa orang ulama tempatan seperti Haji Salleh Abdul Manan, Haji Abdul Rahman Abdul Manan dan Haji Shahbudin Lebai Sulaiman Bakul menjadi pemersatu di samping Tuan Syeikh Osman dari Bagan Serai, Perak. Amalan kebal juga disebar luaskan apabila terdapat penggunaan cincin kebal di Bekor. Di lokasi seperti Manong hingga ke Bekor terdapat juga penggunaan objek seperti gelang lengan kebal.⁴⁸ Selempang berwarna merah turut menjadi perantaraan bagi meningkatkan semangat⁴⁹ dan Al-Quran menjadi tunjang utama kekuatan orang Melayu.⁵⁰

Orang Melayu juga sinonim dengan amalan tangkal dan susuk jarum emas. Susuk tersebut akan dimasukkan dalam pembuluh darah bagi menjadikan kebal. Objek tersebut juga dijual oleh orang Melayu di sekitar Manong dan Bekor.⁵¹ Ketinggian ilmu yang dimiliki oleh guru agama menyebabkan mereka dengan mudah diterima oleh masyarakat tempatan. Keyakinan terhadap ilmu kebal meningkatkan lagi semangat untuk membunuh komunis.⁵² Menjelang abad ke-20, kongsi gelap Melayu dan ilmu kebal tersebar luas sehingga bilangan keahliannya meningkat.⁵³ Keadaan ketakutan mulai wujud dan seni mempertahankan diri seperti kuntau dipelajari oleh sebahagian orang Cina Bekor dengan diiringi bunyi tetuang.⁵⁴ Ini diikuti dengan pembunuhan seorang Cina dan empat yang lain hilang di Bekor pada 2 Januari 1946.⁵⁵ Berikutan itu, mesyuarat dalam kalangan pemimpin Melayu-Cina diadakan pada 4 Mac 1946, apabila *Civil Adviser Officer* (CAO) Kuala Kangsar melawat ke tempat kejadian. Kemarahan membuat apabila sebanyak enam buah rumah dan Sekolah Cina Bekor dibakar yang menyebabkan mereka terpaksa mencari perlindungan di Estet Ban Sin Loong.⁵⁶

Serangan yang didalangi komunis dianggarkan seramai hampir 100 orang dari Kampung Pauh dan Klian, Bekor berlaku pada hari Selasa, 5 Mac 1946 jam 10.00 pagi.⁵⁷ Serangan tersebut mengakibatkan sebanyak tujuh buah rumah orang Cina dibakar.⁵⁸ Serangan kedua secara rapi dilakukan antara jam 5.00⁵⁹ hingga 5.30 pagi, 6 Mac 1946. Seramai hampir 500 orang anggota komunis datang dari daerah Klian. Kumpulan penyerang tersebut mlarikan diri ke dalam hutan tebal selepas serangan.⁶⁰ Kaum wanita dan kanak-kanak yang masih tidur menjadi korban kerana keadaan yang terkepung.⁶¹ Pertahanan Gerakan Selempang Merah pada pagi itu diterajui oleh Uda Mohamad Malim Eloq dengan dibantu seramai tiga orang penduduk kampung.⁶² Detik mencemaskan dilaporkan dalam akhbar *Majlis*:

“...Mayat Melayu telah terjumpa bergelimpangan esoknya dan 19 buah rumah-rumah termasuk sekolah agama menjadi abu...”⁶³

Kedua-dua keadaan tersebut juga digambarkan sebagai:

“...Apabila saksi pulang ke rumahnya, didapatinya rumah sudah terbakar, tetapi dia tidak dapat menunjukkan mana satu yang dituduh itu membakar rumahnya...”⁶⁴

Penduduk kampung yang berada di Masjid Bekor menjadi sasaran penyerang dan mengakibatkan angka korban seramai hampir 57 orang. Seorang mangsa ditembak manakala selebihnya mempunyai luka ditikam dengan parang dan pisau.⁶⁵ Lapan orang kanak-kanak, tujuh wanita dan 15 orang lelaki turut mengalami kecederaan. Ini menyebabkan arahan dikeluarkan oleh Senior Civil Adviser Officer (SCAO) bagi pencarian mangsa korban dalam lingkungan jarak lima batu radius dari rumah ke rumah di kawasan Bekor, Manong dan Parit.⁶⁶ Kejadian tersebut turut menyebabkan seramai 100 orang Melayu yang mengalami kecederaan menjadi pelarian di Manong dan Kuala Kangsar.⁶⁷

Pentadbitan Tentera British (PTB) menghantar tentera ke lokasi insiden bagi mengawal ketenteraman. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum turut dibentuk bagi memulihkan prasangka dan keharmonian.⁶⁸ Dalam kejadian tersebut terdapat bukti penglibatan Orang Asli sebagai penunjuk jalan dalam hutan selepas komunis melancarkan serangan.⁶⁹

Jadual 3: Banding silang serang hendap di Kampung Bekor

Peristiwa	Sumber
-Demografi Kampung Bekor	- Buyong Adil, <i>Sejarah Perak</i> , - Victor Purcell, <i>The Chinese In Modern Malaya</i> . - Abdul Rahman Uda Mohamad, Haji Abdul Aziz bin Shaari.
-Gangguan Bintang Tiga di Kampung Bekor dan kawalan kampung <i>Jikeidan</i> - Waktu serangan di Kampung Bekor pada 6 Mac 1946, 5.00 hingga 5.30 pagi.	- Chin Kee Onn, <i>Malaya Upside Down</i> - WO 172/9773 dan CO 537/1580 (21)
-Keanggotaan dan peranan Jun dan Zulkifli.	- WO 203/5302 - Abdul Rahman Uda Mohd.
Hukuman seksaan terhadap penduduk Kampung Bekor.	- WO 172/1797, War Diary. - Akhbar Majlis, 17 Februari 1947. - Abdul Rahman Uda Mohd.
- <i>Sabilillah</i> orang Melayu ketika menghadapi tekanan Bintang Tiga. - Amalan ilmu kebal	- CO 537/1583 - WO 172/9773 - Mingguan Malaysia, 25 Disember 2011.

Sumber: Analisis penulis

Jadual 3 adalah sebahagian bahan-bahan berautoriti meliputi primer dan sekunder yang digunakan dalam membuat semak banding mengenai serang hendap komunis di Kampung Bekor, Kuala Kangsar, Perak.

Kritikan, Semak silang dan Kepentingan

Keaslian dan kesahihan sesuatu subjek kajian dapat dibuktikan apabila dibuat kritikan dan semak silang.⁷⁰ Justeru, penyelidik perlu memiliki pemikiran terbuka, rasional dan telus terhadap sumber. Elakkan memetik atau merakam maklumat sahaja tanpa membuat analisis. Kritikan yang dilaksanakan bukan sahaja berperanan memastikan kesahihan bukti, malah membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan yang diperlukan. Penceritaan lisan yang diperoleh perlu disemak silang secara teliti kerana pengkaji akan mudah dipengaruhi oleh elemen tokok tambah dan bias. Justeru itu, penyelidik perlu menyemak, memilih, mentafsir dan membandingkan fakta bagi pengesahan kesahihan sesuatu peristiwa. Dalam membandingkan dapatan yang diperoleh melalui sumber lisan, perbandingan dan semakan fakta dengan maklumat daripada sumber sejarah yang lain sangat penting. Ini kerana melalui perbandingan fakta daripada pelbagai sumber, pengkaji akan memperoleh data dan maklumat tepat. Ini sangat penting bagi mendokumenkan dan menyokong kebenaran sejarah daripada sesi wawancara bersama informan yang dilaksanakan.

Setiap sumber atau fakta yang diperoleh perlu disemak dan diuji. Hal yang demikian perlu dilakukan bagi mengelakkan sumber yang palsu. Antara sumber yang boleh digunakan untuk membuat perbandingan terhadap maklumat yang diperoleh daripada sumber lisan adalah melalui dokumen, surat, catatan, laporan harian, diari dan suratkhabar. Di samping itu, penggunaan sumber sekunder seperti buku juga sangat penting. Ini kerana kebanyakan penulisan ilmiah yang berautoriti menggunakan sumber primer dalam penulisan.

Maklumat yang diperoleh melalui sumber lisan perlu tepat dan boleh diterima oleh khalayak. Di samping itu, fakta-fakta yang dikemukakan tidak boleh ditokok tambah dengan mencampuradukkan unsur fiksyen, rekaan ataupun dongeng bagi tujuan mengagungkan mananya tokoh. Semakan juga harus dilakukan bagi menghasilkan pentafsiran dan penulisan yang berasas. Elakkan tafsiran dan penulisan yang bersifat bias dengan melakukan semakan silang.⁷¹

Kesimpulan

Sosiobudaya Masyarakat di Malaysia dicorakkan oleh keterangan lisan yang berperanan sebagai sumber historiografi penting. Penelitian dalam sejarah perlu berpasangkan pembuktian melalui sumber primer dan sekunder. Mengklasifikasikan setiap sumber sejarah merupakan proses yang penting namun rumit. Tujuannya ialah agar penyelidik hanya mengumpul dan mentafsir bukti relevan yang berwibawa. Dalam hal ini, kritikan sumber adalah proses pentafsiran bukti yang penting untuk mengesahkan kebenaran dan ketulenan sesuatu sumber yang diperoleh. Wawancara yang digunakan akan berfungsi sebagai perakam elemen emosi dan perasaan dalam setiap peristiwa yang dinukilkkan serta mampu memberikan tafsiran berbeza kepada khalayak. Ini merupakan kaedah terbaik bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh sumber primer dan sekunder. Ledakan teknologi dan telekomunikasi semasa membolehkan sumber lisan mengambil peranan dalam bentuk audio-visual dan boleh dikendalikan dalam tempoh masa lama. Keadaan lisan ini secara keseluruhannya berupaya berperanan sebagai pelengkap yang tepat kepada sesebuah peristiwa dan berupaya menjadi penyelamat kepada khazanah warisan negara.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh informan yang membantu penulis semasa menjalankan kajian lapangan.

Bibliografi

Sumber Primer (Arkib Negara Malaysia dan National Archives)

BMA PR/3/6/(S), Daily Press Summary-K.L. Vernacular Press, 13 Mac 1946.

BMA Secretariat PR/3/2-Part III, Kin Kwok Daily News, 8 Mac 1946.

CO 273/675/12, Colonial Office

CO 537/1580, Colonial Office

CO 537/1583, Colonial Office

CO 537/1583, Colonial Office

Perak Secretariat 2/46: Communal Disturbances.

WO 172/1796, War Diary

WO 172/1797, War Diary.

WO 172/9773, War Diary.

WO 203/2660, War Diary.

WO 203/4491, War Diary.

WO 203/5302, War Diary.

WO 203/5553, War Diary.

Akhbar dan Majalah

Fajar Asia, No. 7, 15 Gogatsu 2603, Tahun 1.

Majlis, 17 Februari 1947.

Majlis, 24 Februari 1947.

Majlis, 5 Mac 1947.

Mingguan Malaysia, 25 Disember 2011.

Mohamed Ali Haniffa, Januari 2017. Keterangan Lisan Sebagai Sumber Historiografi, *Dewan Budaya*.

Utusan Malaysia, 30 Mei 2009, hlm. 12

Utusan Melayu, 12 Mac 1946.

Sumber Sekunder

Buku dan Jurnal

Abdul Rahman Haji Abdullah, 2002. *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Burridge, Kenelm O.L., 1951. ‘Racial Relations in Johore,’ *Australian Journal of Politics And History*, Vol. II, No. 2, May, 163-166.

Buyong Adil, *Sejarah Perak*, 1972. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cheah Boon Kheng, 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941–1946*, Singapore: Singapore University Press.

Chin Kee Onn, 1946. *Malaya Upside Down*, Singapore: Jitts & Co..

Hairi Abdullah, 1973/4, 1974/5, ‘Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat,’ *JEBAT*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 3/4, 9-10.

Halimi Ibrahim, 2022. *Diari Seorang Kelana*, Selangor: Perusahaan Tukang Buku KM.

J.J. Raj (JR), 2007. *The Struggle For Malaysian Independence*, Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn. Bhd..

Paul H. Kratoska, 1997. *The Japanese Occupation of Malaya 1941–1945*, Honolulu: University of Hawai’I Press.

Lisa Yip Shukye, 2013. *Pengantar Sejarah*, Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd..

Mohd Isa Othman, 2000. *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, Sdn. Bhd..

Mohamed Ali, 2023. “Pendudukan Jepun dan Peranan Agamawan Dalam Membangkitkan Kesedaran Bangsa di Tanah Melayu”, *Jurnal Perspektif*, Jilid 15, Bil. 1, 1-12.

Rozeman Abu Hassan, 2004. *Mengenali dan Mentafsir Sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Production Sdn. Bhd..

Keterangan Lisan dan Banding Silang: Penelitian terhadap Sumber Sejarah Konflik Etnik Melayu-Cina, 1945-1955

- R. Suntharalingam, 1985. *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd..
Siti Patonah Muashot, 2006. Penghulu, Panglima, Kiayi Salleh bin Abd. Karim, dalam *Johor Mengenang Sumbangsihmu*, editor, Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
Syed Ismail Syed Mustapa, etl. *Sejarah Lisan dan Pendokumentasian*, Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
Victor Purcell, 1956. *The Chinese In Modern Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1956.
Zaharah Nawawi, *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Wawancara

Wawancara dengan Abdul Rahman bin Uda Mohamad di Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, 20 November 2008.

Wawancara dengan Abdullah bin Itam di No. 5, Jalan Besar, 36100, Bagan Datoh: Perak, 30 Januari 2016.

Wawancara dengan Bintang binti Osman di Kampung Sungai Ular, Bagan Datoh, Perak, 29 Januari 2016.

Wawancara dengan Cikgu Samad bin Haji Salleh di Hotel New York, Johor Bahru, 22 Mei 2016.

Wawancara dengan Ibrahim bin Uda Mohd di Kampung Suak Petai, Manong, Perak, 21 November 2008.

Wawancara dengan Karim bin Petah di Kampung Ulu Cheka, Jerantut, Pahang, 23 November 2007.

Wawancara dengan Kiah binti Umar di Kampung Tanjung Puteri, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang, 13 Disember 2007.

Wawancara dengan Siti Patonah Muashot di Persatuan Sejarah Malaysia, Batu Pahat, Johor, 22 Oktober 2012.

Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Aziz bin Mohd Tasin di Cheroh, Raub, Pahang, 6 Februari 2010.

Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Ghani bin Bakri di No. 170, Jalan Teluk Rhu, Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, Selangor, 26 Mac 2016.

Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari di Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, Perak, 20 November 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Bakri di Parit 8 B, Sungai Manik, Perak, 5 Jun 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Bakri di Felda Sungai Kemahal, Triang, Pahang, 8 November 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Abdullah Halim bin Mohd Jana di Kampung Semat, Manong, Perak, 21 November 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Ali Badron bin Haji Sabor di Surau Jalan Omar, Batu Pahat, Johor, 22 Oktober 2012.

Wawancara dengan Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf di Kampung Parit Maimun, Batu Pahat, Johor, 19 Mac 2009.

Wawancara dengan Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh di No. 13 A, Sungai Manik, Perak, 6 Jun 2008.

Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Sadron di Kampung Separap, Mukim IV, Batu Pahat, Johor, 23 Oktober 2012.

Wawancara dengan Tuan Haji Yahya bin Haji Abbas di Kampung Sungai Choh, Hulu Selangor, 18 Februari 2010.

Wawancara dengan Tuan Haji Yusof bin Salleh di Johor Bahru, Johor, 8 Disember 2009/23 Oktober 2012.

-
- ¹ Mohamed Ali Haniffa. 2017. Keterangan Lisan Sebagai Sumber Historiografi, *Dewan Budaya*, Januari, hlm. 52-52.
- ² Lisa Yip Shukye. 2013. *Pengantar Sejarah*, Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd., hlm. 16.
- ³ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 22-23.
- ⁴ R. Suntharalingam. 1985. *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd., hlm. 129.
- ⁵ Halimi Ibrahim. 2022. *Diari Seorang Kelana*, Selangor: Perusahaan Tukang Buku KM.
- ⁶ Kenelm O.L. Burridge. 1951. ‘Racial Relations in Johore,’ *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II, No. 2, May, hlm. 165.
- ⁷ Hairi Abdullah. 1973/4, 1974/5. ‘Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat,’ *JEBAT*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 3/4, hlm. 9.
- ⁸ Cheah Boon Kheng. 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and after the Japanese Occupation of Malaya, 1941–1946*, Singapore: Singapore University Press, hlm. 197.
- ⁹ Lihat Rozeman Abu Hassan. 2004. *Mengenali dan Mentafsir Sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Production Sdn. Bhd.
- ¹⁰ “Melayu Terpedaya Kerana Tipu Daya British”, *Fajar Asia*, No. 7, 15 Gogatsu 2603, Tahun 1, hlm. 205.
- ¹¹ Mohamed Ali. 2023. “Pendudukan Jepun dan Peranan Agamawan Dalam Membangkitkan Kesedaran Bangsa di Tanah Melayu”, *Jurnal Perspektif*, Jilid 15, Bil. 1, hlm. 2.
- ¹² Paul H. Kratoska. 1997. *The Japanese Occupation of Malaya 1941–1945*, Honolulu: University of Hawai’I Press, hlm. 95.
- ¹³ Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Ghani bin Bakri di No. 170, Jalan Teluk Rhu, Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, Selangor, 26 Mac 2016.
- ¹⁴ Wawancara dengan Bintang binti Osman di Kampung Sungai Ular, Bagan Datoh, Perak, 29 Januari 2016.
- ¹⁵ Wawancara dengan Karim bin Petah di Kampung Ulu Cheka, Jerantut, Pahang, 23 November 2007.
- ¹⁶ Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Aziz bin Mohd Tasin di Cheroh, Raub, Pahang, 6 Februari 2010.
- ¹⁷ Wawancara dengan Kiah binti Umar di Kampung Tanjung Puteri, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang, 13 Disember 2007.
- ¹⁸ Wawancara dengan Abdullah bin Itam di No. 5, Jalan Besar, 36100, Bagan Datoh: Perak, 30 Januari 2016.
- ¹⁹ Mohd Isa Othman. 2000. *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, Sdn. Bhd. hlm. 286.
- ²⁰ PK. Sec. 2/46: Communal Disturbances.
- ²¹ J.J. Raj (JR). 2007. *The Struggle for Malaysian Independence*, Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn. Bhd, hlm. 58. Lihat juga wawancara dengan Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh di No. 13 A, Sungai Manik, Perak, 6 Jun 2008.
- ²² *Utusan Malaysia*, 30 Mei 2009, hlm. 12
- ²³ CO 273/675/12, hlm. 28.
- ²⁴ WO 203/4491, hlm. 1.
- ²⁵ Mohamed Ali Haniffa, Keterangan Lisan, hlm. 20.
- ²⁶ Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Sadron di Kampung Separap, Mukim IV, Batu Pahat, Johor, 23 Oktober 2012.
- ²⁷ Zaharah Nawawi. 1995. *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 95.
- ²⁸ WO 203/5553 (1), Malaya-Communist Guerillas In North Malaya (TOP SECRET and PERSONAL).
- ²⁹ Wawancara dengan Tuan Haji Yusof bin Salleh di Johor Bahru, Johor, 8 Disember 2009/23 Oktober 2012. Lihat juga wawancara dengan Siti Patonah Muashot di Persatuan Sejarah Malaysia, Batu Pahat, Johor, 22 Oktober 2012.
- ³⁰ Wawancara dengan Cikgu Samad bin Haji Salleh di Hotel New York, Johor Bahru, 22 Mei 2016.
- ³¹ Wawancara dengan Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf di Kampung Parit Maimun, Batu Pahat, Johor, 19 Mac 2009.
- ³² CO 537/1583 (11), Defence Security Officer (Malayan Union) kepada H.E., The Governor, Malayan Union (SECRET), Sabilillah and “Invulnerability”, 7 Oktober 1946.

³³ Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Bakri di Felda Sungai Kemahal, Triang, Pahang, 8 November 2008 dan wawancara dengan Tuan Haji Yahya bin Haji Abbas di Kampung Sungai Choh, Hulu Selangor, 18 Februari 2010.

³⁴ WO 172/9773 (161), SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, Intelligence Summary No. 14, Based on Information Received Up To 2 February 1946.

³⁵ Siti Patonah Muashot. 2006. Penghulu, Panglima, Kiayi Salleh bin Abd. Karim, dalam *Johor Mengenang Sumbangsihmu*, editor, Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, hlm. 123.

³⁶ WO 172/9773 (600), SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, Weekly Intelligence Review, No. 31, Week Ending 11 Jun 1946.

³⁷ WO 172/9773 (1), Weekly Intelligence Review, No. 31, “Che Salleh and His Red Bands”, 11 June 1946.

³⁸ Buyong Adil. 1972. *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3. Lihat juga wawancara dengan Abdul Rahman bin Uda Mohamad di Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, 20 November 2008.

³⁹ Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari di Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, Perak, 20 November 2008.

⁴⁰ Victor Purcell. 1956. *The Chinese In Modern Malaya*, Singapore: Donald Moore, hlm. 222–234.

⁴¹ Wawancara dengan Tuan Haji Abdullah Halim bin Mohd Jana di Kampung Semat, Manong, Perak, 21 November 2008.

⁴² Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari. Lihat juga wawancara dengan Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Bakri di Parit 8 B, Sungai Manik, Perak, 5 Jun 2008.

⁴³ Chin Kee Onn. 1946. *Malaya Upside Down*, Singapore: Jitts & Co., hlm. 113.

⁴⁴ WO 203/5302, Malaya's Political Climate III, Period October 19th to November 9th 1945, (TOP SECRET), hlm. 2.

⁴⁵ WO 172/1797, War Diary, HQ Malaya Command kepada SACSEA ALFSEA, ISUM NO. 59, hlm. 441. Lihat juga wawancara dengan Abdul Rahman bin Uda Mohamad.

⁴⁶ *Majlis*, 17 Februari 1947.

⁴⁷ CO 537/1583, Defence Security Officer (Malayan Union) kepada H.E. The Governor, Malayan Union, 7 Oktober 1946 (SECRET), hlm. 11.

⁴⁸ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, Message Form From Hq Malaya Command To ALFSEA, Date Too 22/610, hlm. 688. Lihat juga wawancara dengan Ibrahim bin Uda Mohd di Kampung Suak Petai, Manong, Perak, 21 November 2008.

⁴⁹ CO 537/1583, Defence Security Officer (Malayan Union) kepada H.E., The Governor, Malayan Union (SECRET), Sabilillah and “Invulnerability”, 7 Oktober 1946, hlm. 11.

⁵⁰ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, Intelligence Summary No. 14, Based On Information Received Up To 2 February 1946, hlm. 161.

⁵¹ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, Intelligence Summary No. 14, Based On Information Received Up To 2 February 1946, hlm. 161. Lihat juga CO 537/1583, Defence Security Officer (Malayan Union) kepada H.E. The Governor, Malayan Union (SECRET), Sabilillah and “Invulnerability”, 7 Oktober 1946, hlm. 11.

⁵² *Mingguan Malaysia*, 25 Disember 2011.

⁵³ CO 537/1583, Defence Security Officer (Malayan Union) kepada H.E., The Governor, Malayan Union (SECRET), Sabilillah and “Invulnerability”, 7 Oktober 1946, hlm. 11.

⁵⁴ WO 172/1796, War Diary, 2 January 1946, hlm. 428.

⁵⁵ WO 203/2660, Malaya Command Of Sitreps Up To 1700 Hrs 2 Jan 46 (SECRET), hlm. 49.

⁵⁶ BMA Secretariat PR/3/2-Part III, Kin Kwok Daily News, 8 Mac 1946, hlm. 14.

⁵⁷ Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari.

⁵⁸ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, Weekly Intelligence Review, No. 19, Week Ending 9 March 1946, hlm. 234.

⁵⁹ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, 1946, Message Form From Hq Malaya Command To SACSEA , ALFSEA, DTO0 07, hlm. 281.

⁶⁰ CO 537/1580 (17-18), H. R. Hone kepada Consul-General, Consulate-General of The Republic of China, Singapore, 8 Mac 1946, hlm. 17-18. Lihat juga wawancara dengan Abdul Rahman bin Uda Mohd.

⁶¹ *Utusan Melayu*, 12 Mac 1946.

⁶² Wawancara dengan Abdul Rahman bin Uda Mohd.

⁶³ *Majlis*, 5 Mac 1947.

⁶⁴ *Majlis*, 24 Februari 1947.

⁶⁵ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, Weekly Intelligence Review, No. 21, Week Ending 23 March 1946, hlm. 252.

⁶⁶ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, 1946, Message Form From Hq Malaya Command To SACSEA , ALFSEA, DTOO 11/745 GH, hlm. 286.

⁶⁷ WO 172/9773, SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, 1946, Message Form From Hq Malaya Command To SACSEA , ALFSEA, DTOO 07, hlm. 281.

⁶⁸ CO 537/1580, Cypher Telegram From Headquarters, B.M.A. (M) To 3, Of S., Colonies, 7 Mac 1946, hlm. 21.

⁶⁹ BMA PR/3/6/(S), Daily Press Summary-K.L. Vernacular Press, 13 Mac 1946, hlm. 38A.

⁷⁰ Syed Ismail Syed Mustapa, etl. Sejarah Lisan dan Pendokumentasian, Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd. hlm. 170.

⁷¹ Ibid., hlm. 87.